

Felda teruskan pembaharuan

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
dan NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 30 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Felda akan membuat lebih banyak pembaharuan bagi memastikan agensi itu dapat melaksanakan tanggungjawab meningkatkan taraf hidup Melayu luar bandar dengan lebih berkesan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kegagalan agensi yang ditubuhkan pada 1956 itu untuk berubah sesuai dengan peredaran zaman akan menyebabkan ia pupus seperti yang berlaku kepada beberapa syarikat lain sebelum ini.

"Kita boleh ingat pada sekitar 1960-an apabila motosikal Lambretta dan Vespa begitu terkenal tetapi kini kedua-dua jenama ini telah pupus dan menjadi barangan antik dan saya harap ia tidak berlaku kepada Felda.

"Saya akui sejak menjadi menteri yang bertanggungjawab terhadap Felda telah diadakan 22 pembaharuan tetapi ia tidak boleh berhenti setakat ini kerana perubahan tiada noktahnya agar organisasi kita menjadi hebat," katanya.

Beliau menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan kakitangan Kumpulan Felda dan majlis menandatangani perjanjian antara Felda dan Majlis Amanah Rakyat (Mara), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Melayu (M) Bhd. di Dewan Perdana Felda di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin; Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yeop; Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor dan Pengarah Besar agensi itu, Ahmad Tarmizi Alias.

NAJIB Tun Razak menatap sisipan sulung Felda sambil diperhatikan oleh Mohd. Yusof Noor selepas majlis perhimpunan kakitangan Kumpulan Felda dan majlis menandatangani perjanjian antara Mara, RTM dan Utusan Melayu di Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar HALIM KHALID

UM - 31/3/2007
Menurut Najib, pembaharuan yang dimaksudkan itu bersifat menyeluruh termasuk terhadap program yang dilaksanakan, dasar, kaedah pengurusan dan cara membuat keputusan.

Bagaimanapun, katanya, perubahan terhadap Felda yang mempunyai lebih 23,000 kakitangan dan 49 anak syarikat harus dipastikan seiring dengan lima teras yang menjadi hala tuju agensi itu untuk fasa 50 tahun akan datang.

Katanya, ia melibatkan matlamat menjadikan 112,000 peneroka dan keluarga mereka sebagai masyarakat contoh luar bandar, berpendapatan menengah, membina generasi kedua dan ketiga peneroka, memperkukuhkan budaya organisasi Felda serta memantapkan kedudukannya sebagai pelaku global.

"Pembaharuan juga harus dilakukan terhadap proses pemberian kontrak yang sepatutnya diberikan kepada syarikat yang menunjukkan prestasi baik.

"Jika yang diberikan kontrak mengecewakan jangan terus dipilih kerana ini semata-mata dengan alasan sudah biasa berurusan dengannya," ujar beliau.

Tambah Najib, agensi itu juga harus meletakkan piawaian yang tinggi terhadap pengurusannya termasuk tidak bertolakansur dengan mereka yang gagal menunjukkan prestasi baik dan tiada integriti.

Katanya, pembaharuan turut melibatkan usaha penjenamaan semula Felda agar ia dikaitkan sebagai agensi yang mencapai kejayaan hebat di dalam dan luar negara.

"Bonus dan lain-lain ganjaran pula perlu diberikan berdasarkan penilaian prestasi bukan sahaja terhadap kakitangan di peringkat ibu pejabat malah mereka yang berkhidmat di ladang seluruh negara," ujarnya.

Saya akui sejak menjadi menteri yang bertanggungjawab terhadap Felda telah diadakan 22 pembaharuan tetapi ia tidak boleh berhenti setakat ini kerana perubahan tiada noktahnya agar organisasi kita menjadi hebat

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

